



## **INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)**

---

### **PEKELILING PENDAFTAR INTAN BILANGAN 2 TAHUN 2017**

---

#### **PELAKSANAAN ARAHAN PENTADBIRAN DALAMAN BILANGAN 1 TAHUN 2017, JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

#### **TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan kaedah pelaksanaan Arahan Pentadbiran Dalaman Bilangan 1 Tahun 2017 JPA yang bertajuk **Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan Di Jabatan Perkhidmatan Awam**, selaras dengan kelulusan khas untuk tuntutan elaun lebih masa bagi kakitangan operasi INTAN.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengeluarkan Arahan Pentadbiran Dalaman Bilangan 1 Tahun 2017 bertarikh 9 Mac 2017, bertujuan untuk menambahbaik pengurusan kewangan di Bahagian-Bahagian JPA mengikut peraturan yang telah ditetapkan berasaskan prinsip perbelanjaan secara berhemat dan nilai untuk wang.

3. Di bawah perkara (12) **Kawalan Tuntutan Elaun Lebih Masa**, telah ditetapkan had tuntutan elaun lebih masa bagi Hari Bekerja (Isnin hingga Jumaat) adalah tidak melebihi tiga (3) jam. Manakala, had tuntutan elaun lebih masa bagi hari Sabtu, Ahad dan Hari Kelepasan Am adalah bagi tempoh lima (5) jam sahaja.
4. Arahan Pentadbiran Dalaman ini telah membatalkan Arahan Pentadbiran Dalaman Bilangan 1 Tahun 2016, yang memberikan kuasa kepada Pengarah INTAN, Timbalan Pengarah Kanan INTAN (TPK) dan Pendaftar INTAN untuk memberikan pengecualian dan seterusnya membenarkan tuntutan elaun lebih masa melebihi daripada had-had tersebut.
5. Dengan pembatalan penurunan kuasa tersebut, tuntutan kerja lebih masa hanya tertakluk kepada had masa yang telah ditetapkan, tanpa sebarang pengecualian.
6. Atas kepentingan memberikan perkhidmatan terbaik, INTAN telah memohon mendapatkan kelulusan khas untuk tuntutan elaun lebih masa melebihi had maksimum seperti di perenggan 3 di atas, terutamanya bagi kakitangan yang terlibat dalam penyampaian perkhidmatan sajian, penginapan dan teknikal. Permohonan ini telah diluluskan oleh YBhg. Dato' Nor Inchun Mohamed Salleh, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi) pada 8 Mei 2017.
7. Perbincangan susulan bersama Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan (PBU) pada 16 Mei 2017 (di IKWAS) dan 17 Mei 2017 (di JPA) mengesahkan bahawa kelulusan pengecualian ini adalah terpakai kepada warga INTAN yang layak di semua Kampus Wilayah INTAN dengan kelulusan Pengarah/TPK/Pendaftar/Pengarah Kampus.

## **PELAKSANAAN PEKELILING**

8. Dengan pengecualian ini, warga INTAN yang layak adalah dibenarkan untuk membuat tuntutan kerja lebih masa melebihi had yang ditetapkan seperti perenggan 3 di atas. Warga INTAN yang layak diberikan pengecualian ialah mereka (i) yang bertugas di unit sajian dan domestik, dan (ii) yang terlibat secara langsung mengendalikan pengurusan sesuatu majlis.
  
9. Pengurusan majlis di INTAN pada kebiasaannya melibatkan ramai kakitangan dari pelbagai skim perkhidmatan dan tidak terhad kepada Pembantu Operasi/Awam, Penjaga Jentera Elektrik dan Pembantu Kemahiran sahaja. Sehubungan dengan itu, pengecualian ini juga melibatkan mereka yang dipertanggungjawabkan dengan tugas-tugas tertentu seperti jurugambar, pengacara majlis, *usherer*, dan sebagainya, tertakluk kepada peraturan lain sedia ada.

## **KAWALAN DALAMAN**

10. Arahan Pentadbiran Dalaman JPA Bilangan 1 Tahun 2017 telah dikeluarkan bertujuan untuk mengukuhkan kawalan perbelanjaan dalaman ke arah perbelanjaan yang lebih berhemat. Keputusan untuk mengeluarkan arahan kerja lebih masa serta meluluskan tuntutan kerja lebih masa perlu dibuat hanya setelah menimbangkan kepentingan sesuatu tugas itu dilaksanakan. Pengecualian yang diberikan ini adalah dalam konteks keperluan pelaksanaan tugas-tugas tersebut di INTAN, dan mana-mana peraturan sedia ada yang berkaitan adalah terpakai.

## **TARIKH KUATKUASA**

11. Pekeliling Pendaftar INTAN Bilangan 2 Tahun 2017 ini berkuatkuasa serta merta.

## **PEMAKAIAN**

12. Pekeliling Pendaftar INTAN Bilangan 2 Tahun 2017 ini dipanjangkan kepada semua Kampus Wilayah dan Pusat Tanggungjawab INTAN. Sebarang pertanyaan berkenaan Pekeliling Pendaftar INTAN ini boleh dirujuk kepada Timbalan Pendaftar Kanan (Kewangan), Pejabat Pendaftar INTAN.

**“1 SENTIASA DI HADAPAN”**

**“MEMACU TRANSFORMASI MELALUI PEMBELAJARAN”**



(ANESEEBRAHIM)

Pendaftar INTAN

Tarikh : 5 JUN 2017